

# Hadiah ijazah buat bapa OKU

Oleh FARABI SHEKH SAID AL JABRI  
utusanN9@utusan.com.my

**SEREMBAN** 24 Nov. - Biar pun tidak dapat melihat anaknya naik ke pentas untuk menerima segulung ijazah, namun Marzuki Dahman, 53, yang cacat penglihatan mampu tersenyum bangga dengan pencapaian anak kesayangannya itu.

Anak Marzuki, Nuhafizah, 25, graduan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi merupakan antara 586 penerima ijazah dalam sidang kedua majlis konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-10 yang diadakan di Stadium Tertutup Nilai dekat sini hari ini.

Marzuki yang ditemui *Mingguan Malaysia* memberitahu, dia cukup berbangga dengan pencapaian anak kedua dari tiga beradik itu dan berharap agar kejayaan itu dapat ditcontohi oleh anak-anaknya yang lain.

"Sudah pasti saya berbangga dan bersyukur dengan kejayaannya biarpun saya tidak dapat melihat. Kejayaannya hasil kerja keras sepanjang menuntut di USIM," katanya di sini hari ini.

Sementara itu Nurhafizah ber-



kata, kejayaannya menggenggam segulung ijazah hari ini dihadiahkan kepada ayah dan ibunya yang selama ini banyak memberikan nasihat kepadanya sepanjang berada di USIM.

Jelasnya, kejayaan itu juga hasil tunjuk ajar pensyarah dan rakan-rakannya untuk terus berusaha dengan lebih gigih.

"Selepas ini saya akan berkecimpung dalam bidang yang bersesuaian dengan kelulusan ini," katanya.



**MARZUKI** Dahman tersenyum dan berbangga selepas dapat memegang skrol ijazah anaknya, Nuhafizah Marzuki yang menerima Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Dengan Kepujian sambil dipeluk erat ibunya, Siti Sutiah Samion dan adik, Mohd. Hazim selepas sidang kedua Majlis Konvokesyen USIM Ke-10 di Stadlum Tertutup Nilai, Negeri Sembilan, semalam.